

ULAT GAMBAR : CABARAN MENGURUS RUANG AWAM KUALA LUMPUR



Kuala Lumpur sentiasa bergerak di antara dua keperluan yang jarang benar-benar seiring. Di satu sisi, bandar raya ini dituntut untuk membuka ruang ekonomi kepada rakyat kecil, khusus untuk golongan yang bergantung kepada peluang mikro untuk menyara hidup. Di sisi lain, bandar yang sama perlu kekal selamat, teratur dan beradab, khususnya di ruang awam yang menjadi milik bersama.

Isu aktiviti fotografi jalanan, atau lebih dikenali sebagai “ulat gambar”, di kawasan tumpuan seperti KLCC dan Pintasan Saloma memperlihatkan dilema ini dengan jelas. Ia bukan isu kamer, aktiviti atau seni, tetapi ia berkait dengan penggunaan ruang awam. Ruang yang semakin sesak, bernilai dan sensitif terhadap keselamatan serta keselesaan orang ramai.

Laporan Bernama sebelum ini memetik tindakan penguatkuasaan pihak berkuasa bandar terhadap jurugambar jalanan tidak berlesen di kawasan KLCC, di mana kompaun dikeluarkan di bawah peruntukan undang-undang kecil sedia ada. Tindakan tersebut dibuat susulan aduan awam berkaitan gangguan pergerakan serta aktiviti komersial tanpa kebenaran di ruang awam. Laporan media lain turut mengaitkan isu peniaga dan penjaja tanpa lesen dengan risiko keselamatan pejalan kaki serta penyalahgunaan laluan awam. Dalam konteks ini, persoalan sebenar bukan sama ada ekonomi rakyat perlu disokong, tetapi bagaimana ruang awam bandar raya ini diurus secara adil, berhemah dan berdisiplin.

Ruang awam menjadi medan tekanan

Dalam situasi sebenar, kebanyakan aduan tidak berlaku dalam keadaan normal. Ia sering timbul ketika waktu puncak, apabila laluan pejalan kaki menjadi sempit, kawasan tumpuan dipenuhi pelawat, dan ruang yang sepatutnya neutral bertukar menjadi medan tekanan.

Ada pelawat yang berasa tidak selesa apabila didekati secara agresif. Ada keluarga yang bimbang apabila kanak-kanak menjadi sasaran. Ada juga warga kota yang merasakan ruang awam tidak lagi bebas untuk bergerak atau berehat. Apabila pengalaman seperti ini berulang, isu tersebut tidak lagi bersifat individu sebaliknya mencerminkan kelemahan pengurusan ruang.

Di sinilah pentingnya prinsip asas tadbir urus bandar, dimana ruang awam bukan kawasan komersial bebas. Ia perlu dikongsi secara berhemah dan bijaksana, dengan sempadan yang jelas antara hak mencari rezeki dan hak orang ramai untuk bergerak dengan selamat.





Dilema bandar raya utama dunia dan prinsip tadbir urus

Apa yang berlaku di Kuala Lumpur bukan fenomena terpencil. Bandar-bandar pelancongan utama dunia pernah, dan sedang berdepan dilema yang sama apabila tekanan ekonomi jalanan dan pelancongan tidak diurus lebih awal.

Penduduk Montmartre di Paris, misalnya, kini menyuarakan kebimbangan terhadap pelancongan melampau yang menjejaskan kehidupan komuniti setempat. Barcelona pula terpaksa memperkenalkan kawalan ketat selepas tekanan pelancongan dan aktiviti ekonomi jalanan mencetuskan ketegangan sosial. Venice menjadi contoh paling ekstrem apabila bandar bersejarah itu terpaksa mengambil langkah drastik selepas ruang awam dibiarkan terlalu lama tanpa kawalan berkesan.

Pengajaran daripada bandar-bandar ini jelas menunjukkan, apabila ruang awam gagal diurus, kosnya bukan sekadar kepada penduduk, tetapi kepada reputasi bandar dalam jangka panjang. Dalam era pelancongan berasaskan pengalaman, persepsi bandar dibentuk melalui interaksi harian di jalanan, sama ada bandar itu terasa selamat, teratur atau sebaliknya.

Dalam konteks fotografi jalanan, banyak bandar membenarkan aktiviti tersebut sebagai ekspresi biasa. Namun penggunaan komersial, pendekatan agresif dan paksaan terhadap orang awam tetap dikawal melalui undang-undang dan peraturan. Prinsipnya sama di mana-mana: kebebasan berekonomi tidak boleh mengatasi kepentingan ruang awam.



Keperluan mengurus ke arah kemampunan bandar

Tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa bandar wajar dibaca sebagai usaha pengurusan, bukan penolakan mahupun sekatan terhadap aktiviti ekonomi rakyat. Ia mencerminkan keperluan untuk memastikan kebebasan ekonomi tidak berkembang sehingga menjejaskan keselamatan, keselesaan dan fungsi ruang awam.

Namun penguatkuasaan sahaja tidak mencukupi. Tanpa kerangka yang jelas, tindakan akan berulang dan persepsi awam kekal dalam kitaran aduan serta kemarahan yang menzahirkan kritikan. Larangan menyeluruh mungkin kelihatan tegas, tetapi jarang menyelesaikan masalah secara mampan. Kebebasan pula kelihatan empatik tetapi membawa kos tinggi kepada imej dan ketenteraman bandar raya.

Pendekatan yang lebih berkesan ialah pengurusan berstruktur. Mengurus bermaksud menetapkan sempadan yang jelas, siapa boleh beroperasi, di mana, bila dan bagaimana. Ia memerlukan peraturan yang mudah difahami, penguatkuasaan yang konsisten serta komunikasi yang telus kepada orang ramai.



Dalam kerangka ini, ekonomi rakyat diberi ruang secara bersyarat. Aktiviti yang beretika, berasaskan persetujuan dan tidak mengganggu orang awam wajar dilindungi. Sebaliknya, sebarang bentuk paksaan, tekanan atau eksploitasi ruang awam tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada ekonomi rakyat yang sihat.

Pentadbiran bandar raya yang baik bukanlah dengan membenarkan segalanya berlaku tanpa kawalan, dan memadam semua isu dengan larangan. Pengurusan bandar raya yang baik adalah apabila tahu membezakan antara peluang dan penyalahgunaan, serta mengurus perbezaan itu dengan ketegasan yang berhemah.

Dalam hal ini, peranan pihak berkuasa bandar menjadi semakin penting yang bukan sekadar sebagai penguat kuasa, tetapi sebagai pentadbir ruang yang menjaga keseimbangan antara kepentingan ekonomi dan hak awam. Sokongan masyarakat terhadap pendekatan yang berdisiplin dan profesional akan membantu memastikan Kuala Lumpur terus berkembang sebagai bandar raya yang inklusif, selamat dan dihormati.